



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
(*ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD*)  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI  
(*MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY & INNOVATION*,  
BATU 24, JALAN DENGKIL  
43800 DENGKIL.  
SELANGOR



08 JULAI 2010  
NOTIS PEMBERITAHUAN AELB  
Bil. 01/2010

## **STATUS PROJEKTOR GAMMA MODEL SIRI-660, 660A, 660AE, 660B DAN 660BE DI MALAYSIA SELEPAS 01 JUN 2013**

### **TUJUAN**

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) supaya tidak memiliki dan berurusan dengan projektor gamma model siri 660, 660A, 660AE, 660B dan 660BE dan model siri-siri tersebut tidak akan diperbaharui di dalam lesen selepas tarikh 01 Jun 2013.

### **LATAR BELAKANG**

2. Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Jabatan AELB) telah menerima maklumat daripada QSA Global, Inc melalui surat bertarikh Ogos 2009 yang menyatakan bahawa sijil Type B(U) USA/9238/B(U)-96 yang mula dikeluarkan pada tahun 1970 sehingga tahun 2001 merangkumi model siri 660, 660A, 660AE, 660B dan 660BE akan tamat pada 01 Jun 2013 dan tidak akan lagi diperbaharui setelah memperlihatkan kesemua aspek-aspek keselamatan dan kualiti serta beberapa faktor yang memainkan peranan seperti berikut-

- jangka hayat penggunaan tiub "S" yang sudah terlalu lama;
- kos dan kesulitan dalam pengeluaran alat ganti dan overpek; dan
- tidak memenuhi standard ISO 3999-1 200E.

3. Dengan ketiadaan sijil Type B(U) ini, projektor gamma Siri 660, 660A, 660AE, 660B dan 660BE ini tidak boleh diangkut bersama punca radioaktif. Ini disebabkan oleh kepeluan sijil Type B(U) mesti disertakan sekali dalam aktiviti mengangkut punca radioaktif berdasarkan keperluan perundangan di peringkat antarabangsa dan Malaysia.

4. Atas faktor-faktor yang dinyatakan oleh pihak pengeluar dan ketiadaan sijil Type B(U) yang diperbaharui selepas 01 Jun 2013, Jabatan AELB memutuskan bahawa pemberhentian penggunaan projektor gamma Siri 660, 660A, 660AE, 660B dan 660BE wajar dikuatkuasakan bagi mengelakkan berlakunya masalah pada masa akan datang di samping tidak mematuhi kehendak pengangkutan sepetimana dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Pengangkutan) 1989.

## **ARAHAN AELB**

5. Dengan ini semua pemegang lesen yang memiliki dan berurusan dengan projektor gamma siri 660, 660A, 660AE, 660B dan 660BE dari semasa ke semasa hendaklah menggantikan projektor gamma mereka kepada model yang mempunyai sijil Type B(U) dari tarikh notis pemberitahuan ini dikeluarkan sehingga 01 Jun 2013. Bagi tujuan pelupusan projektor gamma Siri 660, 660A, 660AE, 660B dan 660BE, pemegang lesen hendaklah mendapatkan kebenaran Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) terlebih dahulu sekurang-kurangnya 14 hari sebelum melupus projektor gamma sama ada dengan cara;

- 5.1 memulangkan semula peralatan berkenaan kepada pembekal yang dilesenkan atau diiktirafkan oleh Lembaga sahaja ; atau
- 5.2 cara-cara lain yang dibenarkan oleh Lembaga.

6. Adalah dimaklumkan pemegang lesen tidak dibenarkan memiliki dan berurusan dengan projektor gamma Siri 660, 660A, 660AE, 660B dan 660BE dan model bagi siri-siri tersebut tidak akan diperbaharui di dalam lesen selepas tarikh 01 Jun 2013.

## **PENUTUP**

7. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah;

Pengarah  
Bahagian Dasar, Kod & Standard  
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains,Teknologi & Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil  
43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan.  
No. Telefon :03-89225888  
No.Faks :03-89223685  
E-mail :pbs@aelb.gov.my  
Laman Web :<http://wwwaelb.gov.my>